

1.6 juta penjawat awam dikekal: PM

BH
- 31/8/2020
m/s: 4

Isu pengurangan tak berbangkit walaupun pelaksanaan e-kerajaan

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sandakan: Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan untuk mengekalkan 1.6 juta penjawat awam di seluruh negara walaupun dengan pelaksanaan sistem kerajaan elektronik (e-kerajaan).

Perdana Menteri berkata, penjawat awam masih diperlukan untuk melakukan tugas lain bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Serentak itu, tegasnya, isu pengurangan bilangan kakitangan sedia ada tidak berbangkit.

“Sebagai contoh, katalah sebelum ini ada tiga orang untuk satu tugas, tetapi apabila e-government (e-kerajaan) dilaksanakan, hanya seorang akan menjalankan tugas itu manakala dua orang lagi boleh

buat tugas lain,” katanya pada majlis perjumpaan bersama penjawat awam di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan seorang hadirin yang ingin mengetahui sama ada bilangan kakitangan awam akan dikurangkan atau tidak jika sistem e-kerajaan dilaksanakan.

Sambil menjelaskan penggunaan teknologi tidak boleh dielak, Muhyiddin berkata, tenaga penjawat awam tetap diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

Perdana Menteri mengakui beberapa perubahan akan berlaku dalam tugas penjawat awam apabila sistem e-kerajaan dilaksanakan.

“Bagaimanapun, teknologi itu akan memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan



Muhyiddin menyampaikan ucapan pada majlis perjumpaan bersama penjawat awam di Dewan Angsana, semalam. (Foto BERNAMA)

sektor awam.

“Saya berpuas hati dengan prestasi penjawat awam, namun yakin mutu dan prestasi dapat ditingkatkan lagi sejajar perkembangan semasa,” katanya.

Beliau turut mengingatkan kakitangan awam supaya bertindak ‘luar biasa’ dalam menjalankan tugas dan membenci rasuah.

Penjawat awam, kata Perdana Menteri, adalah penterjemah segala dasar dan memaklumkan kepada rakyat mengenai hala tuju kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Saya berpuas hati dengan prestasi penjawat awam, namun yakin mutu dan prestasi dapat ditingkatkan lagi.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

“Kita mahukan pentadbiran sedia ada menjadi cepat dan tepat, selain merancang sistem pendigitalan.

“Untuk itu, penjawat awam mesti mempunyai integriti yang tinggi. Rasuah mesti dibenci dan pentadbiran yang cekap boleh mengelak pembaziran.

“Kita belum selesai menghadapi pandemik COVID-19, belum sampai ke ‘puncak bukit’, justeru tindakan kita sebagai penjawat awam tidak boleh seperti sebelumnya,” katanya.